

Bersara 58: MTUC, Cuepacs akan kemuka rayuan

UM 12 DEC 2002

KUALA LUMPUR 11 Dis. — Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) akan mengemukakan memorandum rayuan dilanjutkan usia persaraan kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bulan depan.

Presiden MTUC, Senator Zainal Rampak berkata, kedua-dua badan induk kesatuan sekerja tersebut akan menyediakan memorandum komprehensif berhubung syor dilanjutkan usia persaraan menjadi 58 tahun bagi sektor awam.

“Saya telah berhubung dengan Setiausaha Agung Cuepacs, Abdul Rahman Manan untuk membentuk satu memorandum yang komprehensif,” katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas penolakan kerajaan terhadap cadangan MTUC dan Cuepacs supaya umur persaraan sektor awam dilanjutkan dari 56 tahun kepada 58 tahun.

Dr. Mahathir semasa menolak cadangan itu semalam menegaskan, kerajaan telah mengkaji perkara itu secara terperinci dan cadangan itu tidak dapat diterima memandangkan ia melibatkan perbelanjaan tambahan yang tinggi.

Perbelanjaan

Kata Perdana Menteri, keputusan melanjutkan ke usia 56 tahun pada tahun lalu mengakibatkan kerajaan terpaksa mengeluarkan perbelanjaan tambahan untuk membayar gaji selama setahun lagi.

MTUC dan Cuepacs kelmarin mencadangkan usia persaraan kakitangan awam dilanjutkan kepada 58 tahun dan akan mengemukakan tuntutan itu kepada kerajaan tidak lama lagi.

Sementara itu, Abdul Rahman berkata, pihaknya akan bertemu pemimpin MTUC bagi membincangkan memorandum bersama berhubung cadangan melanjutkan usia persaraan itu pada bulan depan.

Beliau bagaimanapun akur dengan keputusan kerajaan yang tidak mahu melanjutkan usia persaraan kakitangan awam daripada 56 tahun kepada 58 tahun.

Menurut beliau, pihaknya bersedia menanggung tuntutan tersebut kerana alasan yang diberikan Dr. Mahathir untuk menolak perkara itu mempunyai asas yang kukuh.

Katanya, pelanjutan umur persaraan itu sememangnya akan mengakibatkan perbelanjaan tambahan yang tinggi yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan.

“Cuepacs memahami situasi kewangan kerajaan sekarang dan oleh itu, kita bersedia untuk tidak membangkitkan lagi tuntutan ini untuk sementara waktu.